

Vedantanggal tingkat jatidiri pelajar

Oleh JOHN TAMBANAN

johntambanan@yahoo.com

UB 30-10-2012 AG

KOTA KINABALU: Program Vedantanggal yang dijadikan acara tahunan oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) memberi makna yang penuh signifikan kerana ia mampu mengeratkan hubungan silaturahim di kalangan pelajar.

Pengerusi Badan Perhubungan MIC Sabah, Datuk V Jothi berkata program itu dapat memberikan gambaran dan pemahaman kepada mahasiswa dan mahasiswi tentang aspirasi dan budaya pembelajaran formal dan tidak formal.

“Di samping ingin melahirkan pelajar UMS yang cemerlang dan terbilang, lebih berdaya kompetitif dari pedlbagai aspek,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan program Vedantanggal, dianjurkan oleh Sakretariat Kesenian, Kebudayaan dan Warisan India (SEKWI) 2012, di UMS baru-baru ini.

Jothi berkata, program itu bukan sahaja dapat



JOTHI (tengah) merakam kenangan bersama jawatankuasa SEKWI dan para pelajar UMS.

memberikan pendedahan dari segi akademik malah dari segi intelektual, jasmani dan rohani kepada pelajar yang bakal menempuh alam universiti.

Sehubungan itu, beliau berharap agar mahasiswa dan mahasiswi dapat menggunakan peluang yang ada dengan sebaik-baiknya untuk memanfaatkan diri dan meningkatkan kemahiran insaniah dalam menerajui

alam universiti yang penuh cabaran.

“Di sini para pelajar harus memahami bahawa cabaran yang bakal ditempuhi dapat meningkatkan kekuatan ditempuhi serta dapat meningkatkan kekuatan mental dan fizikal,” katanya.

Jothi berkata, pelajar kampus universiti merangkumi pelbagai kaum, bangsa dan agama, dengan itu pelajar harus menyesuaikan diri dengan

mengeratkan perpaduan yang sedia terjalin.

Beliau mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak penganjur (SEKWI) yang telah menayakan program Vedantanggal 2012.

“Termasuk majlis perwakilan pelajar, para penaja dan seluruh warga UMS yang turut memberikan sokongan dan dorongan dalam menayakan program ini,” katanya.